



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Jabatan Pendaftar
Registrar's Office



CERTIFIED TO ISO 9001:2000 CERT. NO: AR 3088

Ruj.Kami : UMS/PN2.1/P5/2/1
Tarikh : 08 Oktober 2012

SEMUA KETUA JABATAN/SEKOLAH/PUSAT/INSTITUT/UNIT/BAHAGIAN

Y.Brs. Prof./Tuan/Puan,

PEKELILING PENDAFTAR BIL.9/2012 PINDAAN GARIS PANDUAN KENAIKAN PANGKAT KAKITANGAN AKADEMIK UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (BIL.1/2012)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Bersama-sama ini disertakan **Pekeliling Pendaftar Bil.9/ 2012** yang jelas maksudnya mengenai perkara tersebut di atas untuk makluman dan tindakan lanjut pihak Y.Brs. Prof./Tuan/Puan.

Mohon perkara ini dimaklumkan kepada semua kakitangan di J/S/P/I/U/B masing-masing.

Kerjasama dan perhatian pihak Y.Brs. Prof./Tuan/Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERTEKAD CEMERLANG"

Yang ikhlas,

LEE FUNG KIUN
Penolong Pendaftar
Bahagian Pentadbiran dan Governan
Jabatan Pendaftar
b.p Pendaftar

- s.k
- ☞ Y.Bhg Prof. Naib Canselor
 - ☞ Y.Bhg Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - ☞ Y.Bhg Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - ☞ Y.Bhg Datuk Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)
 - ☞ Y.Bhg Mej. (K) Datuk Pendaftar
 - ☞ Ketua, Bahagian Pentadbiran & Governan
 - ☞ Fail

BERTEKAD CEMERLANG

JALAN UMS, 88400 KOTA KINABALU, SABAH, MALAYSIA.

• Tel : 6088-320 123 • Faks : 6088-320 243 • E-mel : papenums@ums.edu.my • Laman web : <http://www.ums.edu.my>

SENARAI EDARAN

1. Pengarah UMS-Kampus Antarabangsa Labuan
2. Dekan Pusat Pengajian Pasca Siswazah
3. Dekan Sekolah Sains dan Teknologi
4. Dekan Sekolah Sains Sosial
5. Dekan Sekolah Perniagaan & Ekonomi
6. Dekan Pusat Penataran Ilmu & Bahasa
7. Dekan Sekolah Kejuruteraan & Teknologi Maklumat
8. Dekan Sekolah Pendidikan & Pembangunan Sosial
9. Dekan Sekolah Psikologi & Kerja Sosial
10. Dekan Sekolah Sains Makanan & Pemakanan
11. Dekan Sekolah Perhutanan & Tropika Antarabangsa
12. Dekan Sekolah Pengajian Seni
13. Dekan Sekolah Perniagaan & Kewangan Antarabangsa Labuan
14. Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan
15. Pemangku Dekan Sekolah Perubatan
16. Dekan Sekolah Pertanian Lestari

17. Pengarah Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan
18. Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo
19. Pengarah Institut Penyelidikan Bioteknologi

20. Pengarah Pejabat Hal Ehwal Antarabangsa
21. Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi
22. Pengarah Pusat Ko-Kurikulum & Pemajuan Pelajar
23. Pengarah Pusat Pengurusan Strategik & Akademik
24. Pengarah Pusat Hubungan Industri
25. Pengarah Pusat Persediaan Sains dan Teknologi
26. Pengarah Pusat Perakaunan UMS
27. Pengarah Pusat Kesihatan dan Keselamatan Pekerja
28. Pengarah Pusat Rawatan Warga
29. Ketua Unit Penerbitan
30. Ketua Bahagian Perkhidmatan Akademik
31. Pengarah Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan
32. Pengarah Bahagian Perhubungan Korporat
33. Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar
34. Pemangku Ketua Unit Media & Teknologi Pendidikan
35. Pengarah Pusat Sukan
36. Ketua Jabatan Canselori
37. Ketua Bahagian Audit Dalaman
38. Ketua Bahagian Keselamatan
39. Ketua Unit Masjid & Hal Ehwal Islam



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh : 8 Oktober 2012

Bil. 9/2012

Ruj : UMS/PN2.1/P5/2

PINDAAN GARIS PANDUAN KENAIKAN PANGKAT KAKITANGAN AKADEMIK UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (BIL.1/2012)

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan pindaan ke atas Garis Panduan Kenaikan Pangkat Kakitangan Akademik Universiti Malaysia Sabah (UMS) khususnya mengenai kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Kanan Gred DS/DU52.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Garis panduan yang digunapakai sekarang adalah Garis Panduan Kenaikan Pangkat Kakitangan Akademik UMS yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Kali Ke-48 pada 19 September 2011.
- 2.2 Penambahbaikan garis panduan ini adalah selaras dengan saranan pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melalui surat dengan nombor rujukan KPT.S.500-27/2 Jld.4(23) bertarikh 14 Julai 2012 agar syarat lulus Ph.D untuk tujuan Pengesahan Dalam Perkhidmatan Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti dan Kenaikan Pangkat dikaji semula pada kadar segera.
- 2.3 Penambahbaikan garis panduan ini khususnya mengenai kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Kanan Gred DS/DU52 telah diluluskan dalam **Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBP)** yang bersidang pada **14 September 2012 Bil. 10/2012 (Kali Ke- 150)** dan seterusnya diluluskan dalam **Mesyuarat LPU Kali Ke-52** yang bersidang pada **27 September 2012**.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Selaras dengan saranan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Garis Panduan Kenaikan Pangkat Kakitangan Akademik UMS yang diluluskan dalam Mesyuarat LPU Kali Ke-48 pada 19 September 2011 adalah dengan ini dipinda seperti berikut:

- 3.1.1 muka surat 10, peruntukan 11.0 mengenai Kelayakan Kenaikan Pangkat ke Gred DS/DU52 (Pensyarah Kanan), perkara (i), (ii), (iii), (iv) dan (v) dipinda seperti berikut:

Kelayakan Kenaikan Pangkat ke Gred DS/DU52 (Pensyarah Kanan)

- (i) mempunyai kelayakan di perenggan (a) di atas;
(ii) memenuhi salah satu kategori yang dinyatakan di bawah: dan

KATEGORI	KRITERIA CALON	SYARAT KENAIKAN PANGKAT
1	Mempunyai kelulusan PhD	Calon akan dipertimbangkan terus tertakluk memenuhi syarat umum kenaikan pangkat dan tidak mempunyai masalah etika akademik (rujuk Kod Etika Ahli Akademik UMS yang diluluskan dalam Mesyuarat lembaga Pengarah Universiti Kali Ke-45 pada 02 Disember 2010).
2	Pernah mengikuti pengajian di peringkat PhD tetapi gagal/tidak selesai atas sebab-sebab yang boleh diterima ATAU Sedang mengikuti pengajian dalam peringkat PhD	Minimum tempoh perkhidmatan yang diambilkira ialah 5 tahun (kriteria yang digunapakai oleh UMS) DAN Menunjukkan prestasi akademik yang cemerlang dalam kriteria-kriteria berikut; a. Pengajaran dan Penyeliaan; b. Penyelidikan dan Penerbitan; c. Persidangan; dan d. Khidmat Kepada Universiti/ Masyarakat DAN Tidak mempunyai masalah etika akademik ATAU Mempunyai kelayakan profesional.
3	Belum mempunyai PhD/Tidak pernah mengikuti pengajian PhD	Pertimbangan untuk kenaikan pangkat bagi kes-kes khas adalah atas budi bicara Naib Canselor.

Catatan:

Tafsiran bagi tempoh perkhidmatan minimum lima (5) tahun yang diambilkira ialah:

- i. Tempoh perkhidmatan selepas kakitangan **Disahkan Dalam Jawatan** sebagai DS/DU45; dan
ii. **TIDAK** termasuk tempoh perkhidmatan sebagai Tutor dan tempoh Cuti Belajar.

- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.

- 3.2 Lain-lain peruntukan dalam Garis Panduan Kenaikan Pangkat Kakitangan Akademik UMS yang diluluskan dalam Mesyuarat LPU Kali Ke-48 pada 19 September 2011 masih digunapakai dan berkuatkuasa.

3.3 Maklumat lanjut mengenai garis panduan ini boleh diperolehi di **Unit Kenaikan Pangkat, Seksyen Kemajuan Kerjaya, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar.**

4.0 TARIKH KUAT KUASA

4.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh diluluskan oleh LPU iaitu pada **27 September 2012.**

Sekian, Terima Kasih.

"BERTEKAD CEMERLANG"

Yang ikhlas,



MEJ. (K) DATUK ABDULLAH HJ. MOHD. SAID
Pendaftar

Tarikh : 8 Oktober 2012

s.k. ☞ Naib Canselor
☞ Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
☞ Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
☞ Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)
☞ Fail